

KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel: 03-8891 9009
Faks: 03-8891 9301

Ruj. Kami : JPPKK.BGK.600-1/1/1 (36) N.A.3
Tarikh : 26 Mei 2022

**PENGARAH BAHAGIAN
PENGARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**EDARAN PROSEDUR OPERASI STANDARD SERTA DOKUMEN
BERKAITAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
(IPT) SEMASA PERALIHAN KE ENDEMIK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat
JPT(A)1000/00/019/01JLD.27(9) bertarikh 19 Mei 2022.

2. Berikutan daripada pengumuman oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022. Semua institusi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah disarankan untuk mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure* (SOP) serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan kenyataan media oleh Kerajaan Negeri masing-masing dari semasa ke semasa bagi pengukuhan SOP di IPT masing - masing.

3. Bersama ini dilampirkan dokumen sebagai rujukan pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan bagi pengoperasian IPT semasa fasa peralihan ke endemik. Sehubungan itu, pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan perlu memastikan arahan ini dipatuhi di institusi masing-masing dan mengambil tindakan



HRMATAULLA BIN HAJID AHMAD KHAN
Pengaroh
Politeknik Kuching Sarawak

Kukie
Edison Kio Simus
JK Pengurusan Intelektual
nguluan. 282.

proaktif seperti yang disarankan. Untuk makluman, buat masa ini Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan adalah terpakai sehingga pemakluman terkini dibuat pada masa akan datang.

Perhatian YBrs. Dr./tuan/puan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ZAINAB BINTI AHMAD)

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK
2. Timbalan Ketua Pengarah (Governan), JPPKK
3. Pengarah Kanan (Akademik), JPPKK
4. Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK



**KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL**
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education

Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 5051
Faks : 03-8870 6806
Laman : www.mohe.gov.my
Web

Rujukan kami : JPT(A)1000/001/019/01JLD.27(9)

Tarikh : 19 Mei 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts.,

PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. sedia maklum, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengumumkan fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022. Selaras dengan pengumuman tersebut, MKN telah mengeluarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) serta Garis Panduan sebagai rujukan pengoperasian pelbagai sektor di Malaysia termasuklah sektor pendidikan.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan pengoperasian IPT adalah selamat dan terkawal, IPT adalah disaran untuk merujuk kepada SOP dan Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh MKN serta Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pengukuhan SOP di IPT masing-masing.

4. Selaras itu juga, bersama-sama ini turut dilampirkan dokumen berikut sebagai rujukan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/ Prof./Ts bagi pengoperasian IPT semasa fasa peralihan ke endemik.

i. **LAMPIRAN A**

SOP Sektor Pendidikan Tinggi Semasa Fasa Peralihan ke Endemik

ii. **LAMPIRAN B**

Garis Panduan #Reopening Safely (Penjagaan dan Pendidikan)
(tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa)

iii. **LAMPIRAN C**

Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa)

iv. **LAMPIRAN D**

Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa)

v. **LAMPIRAN E**

Frequently Asked Questions (FAQ)

5. KPT juga menggesa agar pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/ Prof./Ts. memperkemaskan pelan komunikasi di peringkat institusi masing-masing bagi memastikan pengoperasian institusi masing-masing dapat dilaksanakan secara lancar dengan mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan warga IPT.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR)

s.k.

1. YB Menteri Pengajian Tinggi
2. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
3. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PENTADBIRAN IPT DAN PENGURUSAN RISIKO

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Penyediaan Daftar Kehadiran	<ul style="list-style-type: none">• Imbasan kod QR MySejahtera TIDAK DIWAJIBKAN apabila memasuki Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)
2. Melakukan Saringan Gejala	<ul style="list-style-type: none">• Individu perlu menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari sekiranya disahkan positif.• Individu boleh dilepaskan daripada pengasingan bermula pada hari ke-4 sekiranya telah disahkan negatif menerusi ujian RTK Antigen yang diselia oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MMC sama ada secara fizikal ataupun secara maya (<i>virtual</i>).• Keputusan ujian hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan.• Memastikan individu yang memasuki IPT mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.• Individu dengan status "<i>Berisiko Tinggi / High Risk</i>" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan individu yang diberi arahan HSO tidak dihenarkan masuk ke IPT.• IPT perlu menyemak status risiko individu dalam aplikasi MySejahtera yang memasuki premis.
3. Penjarakan Fizikal dan Pelitup Muka	<ul style="list-style-type: none">• Pemakaian pelitup muka adalah WAJIB apabila berada di dalam bangunan IPT (<i>indoor</i>).• Pemakaian pelitup muka di luar bangunan IPT (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka IPT adalah atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi AMAT DIGALAKKAN sekiranya individu tersebut bergejala, berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang dan sesak.• Penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperlukan tetapi DIGALAKKAN dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.
4. Kebersihan Tangan	<ul style="list-style-type: none">• IPT perlu menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i> di tempat yang bersesuaian dan strategik.

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PERGERAKAN PELAJAR IPT KEMBALI KE KAMPUS

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Mengenal pasti pelajar yang akan kembali ke kampus	<ul style="list-style-type: none">• Kemasukan semua pelajar ke kampus dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi.• Pelajar dengan status "<i>Berisiko Tinggi / High Risk</i>" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan pelajar yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan kembali ke kampus.• Pelajar yang kembali ke kampus perlu sentiasa mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.
2. Nasihat Kesihatan	<ul style="list-style-type: none">• IPT dikehendaki menyemak status risiko pelajar yang memasuki kampus dalam MySejahtera• Pemakaian pelitup muka adalah WAJIB apabila berada di dalam bangunan IPT (<i>indoor</i>).• Pemakaian pelitup muka di luar bangunan IPT (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka IPT adalah atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi AMAT DIGALAKKAN sekiranya individu tersebut bergejala, berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang dan sesak.• Bersalaman dibenarkan, TETAPI hendaklah sentiasa mencuci atau membersihkan tangan dan jangan menyentuh muka selepas bersalaman.
3. Pengukuhan SOP	<ul style="list-style-type: none">• Semua pelajar dan staf IPT perlu mengaktifkan MySJTrace.• Kemasukan pelajar dan staf dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi.• Pemakaian pelitup muka hanya diwajibkan di dalam bangunan IPT.• Pemakaian pelitup muka akan menjadi pilihan apabila pelajar berada di luar kampus atau di kawasan terbuka.• Pemakaian pelitup muka DIGALAKKAN di kawasan luar kampus yang sesak dan untuk pelajar yang bergejala, berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang dan sesak.• Saringan pelajar dan staf merujuk kepada Strategi Penguujian COVID-19 Kebangsaan KKM terkini.

3

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Mengenal pasti pelajar yang akan kembali ke kampus	<ul style="list-style-type: none">• Semua pelajar antarabangsa adalah dibenarkan masuk ke Malaysia sama ada pelajar sedia ada atau baharu.• Pelajar antarabangsa bagi kategori telah tamat tempoh sah Visa dan Pas Pelajar dan pelajar baharu perlu mengemukakan permohonan kebenaran masuk ke Malaysia untuk kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia melalui Education Malaysia Global Services (EMGS).
2. Keperluan lain sebelum berlepas	<ul style="list-style-type: none">• Memuat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum berlepas serta melengkapkan Borang Pra-pelepasan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum berlepas ke Malaysia, termasuk maklumat vaksinasi serta memuat naik sijil vaksinasi (jika ada) di aplikasi tersebut melalui ikon 'Pengembara'. Bagi pelajar antarabangsa yang tidak lengkap vaksinasi/ tidak menerima vaksinasi pula, adalah dikehendaki memuat naik keputusan ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 yang diuji dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia. Setelah lengkap, pelajar akan menerima <i>Traveller's Card</i> melalui aplikasi itu dan perlu dipamerkan semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).• Melakukan verifikasi sijil digital vaksinasi COVID-19 melalui portal mysafetravel.gov.my, bagi sijil digital vaksinasi COVID-19 yang dikeluarkan di luar negara sebelum berlepas.
3. Ujian Pengesanan COVID-19 dan kuarantin	<ul style="list-style-type: none">• Pelajar antarabangsa yang telah lengkap vaksinasi/ mempunyai sejarah jangkitan COVID-19 dalam tempoh 6 (enam) ke 60 (enam puluh) hari dari tarikh sampel positif diambil, sebelum berlepas ke Malaysia adalah TIDAK PERLU membuat ujian pengesanan COVID-19 sebelum berlepas ke Malaysia dan ujian COVID-19 selepas ketibaan serta kuarantin wajib.• Pelajar antarabangsa yang dikesan bergejala semasa berada di PMA Negara akan diarahkan menjalani RTK-Ag dengan penyeliaan pengamal perubatan sama ada secara fizikal atau maya dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan.

4

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

Tindakan	Penerangan Ringkas
4. Ujian Pengesanan COVID-19 dan kuarantin	<ul style="list-style-type: none">• Pelajar antarabangsa dengan status vaksinasi tidak lengkap/ tidak menerima vaksinasi dikehendaki:<ul style="list-style-type: none">✓ Membuat ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia dengan keputusan negatif dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di PMA semasa ketibaan;✓ Menjalani pengujian selepas ketibaan iaitu ujian pengesanan ujian RTK-Ag profesional di fasiliti kesihatan swasta atau menjalani ujian RTK-Ag dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta boleh dijalankan secara maya dalam tempoh dua puluh empat jam (24) jam selepas waktu ketibaan;✓ Menjalani kuarantin wajib (Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Akta 342) di rumah/ hotel/ tempat penginapan dan mengisi borang penilaian status kesihatan sendiri (HAT) setiap hari dalam MySejahtera selama lima (5) hari; dan✓ Menjalani ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 pada hari keempat atau RTK-Ag profesional/ ujian RTK-Ag sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta (boleh dijalankan secara maya) pada hari kelima.

5

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Kategori Aktiviti PdP yang dibenarkan	• Semua aktiviti PdP termasuk peperiksaan secara bersemuka/ berkumpul/ berkelompok adalah DIBENARKAN .
2. Peperiksaan	• Pelajar yang menduduki peperiksaan antarabangsa dan badan profesional di IPT DIBENARKAN .
3. Latihan industri	• Pelajar DIBENARKAN menjalani latihan industri.
4. Penyediaan Daftar Kehadiran Pelajar	• Imbasan kod QR MySejahtera TIDAK DIWAJIBKAN apabila memasuki IPT
5. Pengudaraan	• Memastikan semua aktiviti PdP yang dijalankan terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

6

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

Tindakan	Penerangan Ringkas
6. Melakukan Saringan Gejala	<ul style="list-style-type: none">• Pelajar perlu menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari sekiranya disahkan positif.• Pelajar boleh dilepaskan daripada pengasingan bermula pada hari ke-4 sekiranya telah disahkan negatif menerusi ujian RTK-Ag yang diselia oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MMC sama ada secara fizikal ataupun secara maya (virtual).• Keputusan ujian hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan.• Memastikan pelajar memasuki IPT mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.• Pelajar dengan status "<i>Berisiko Tinggi / High Risk</i>" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan pelajar yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan masuk ke IPT.• IPT perlu menyemak status risiko pelajar yang memasuki kampus dalam aplikasi MySejahtera.
7. Penjarakan Fizikal dan Pelitup Muka	<ul style="list-style-type: none">• Pemakaian pelitup muka adalah WAJIB apabila berada di dalam bangunan IPT (<i>indoor</i>).• Pemakaian pelitup muka di luar bangunan IPT (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka IPT adalah atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi AMAT DIGALAKKAN sekiranya pelajar / staf bergejala dan berisiko tinggi.• Penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperlukan tetapi DIGALAKKAN dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.
8. Kebersihan Tangan	<ul style="list-style-type: none">• IPT perlu menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i> di tempat yang bersesuaian dan strategik.

7

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PELAKSANAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DALAM MAKMAL/BENGGEL

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Aktiviti Makmal/ Bengkel	<ul style="list-style-type: none">• Semua aktiviti makmal / bengkel DIBENARKAN.
2. Kehadiran Pelajar dan Staf Makmal/ Bengkel	<ul style="list-style-type: none">• Semua pelajar, staf akademik dan pembantu makmal / bengkel perlu mengaktifkan MySJ Trace.• Pelajar, staf akademik dan pembantu makmal / bengkel dengan status "<i>Berisiko Tinggi / High Risk</i>" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan pelajar dan staf yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan memasuki makmal / bengkel.
3. Pengurusan makmal/ bengkel	<ul style="list-style-type: none">• Staf akademik dan pembantu makmal / bengkel dibenarkan menguruskan aktiviti dan fasiliti makmal/bengkel tanpa mengira status vaksinasi.
4. Pengudaraan	<ul style="list-style-type: none">• Memastikan semua aktiviti makmal / bengkel yang dijalankan terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

8

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PELAKSANAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DALAM MAKMAL/BENKEL

EDARAN IPT

Tindakan	Penerangan Ringkas
5. Melakukan Saringan Gejala	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar, staf akademik dan pembantu makmal / bengkel perlu menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari sekiranya disahkan positif. Pelajar, staf akademik dan pembantu makmal / bengkel boleh dilepaskan daripada pengasingan bermula pada hari ke-4 sekiranya telah disahkan negatif menerusi ujian RTK Antigen yang diselia oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MMC sama ada secara fizikal ataupun secara maya (virtual). Keputusan ujian hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan.
6. Kebersihan Tangan	<ul style="list-style-type: none"> IPT perlu menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i> di tempat yang bersesuaian dan strategik.
7. Pembersihan dan Nyah Kuman	<ul style="list-style-type: none"> Pembersihan dan nyahkuman dilakukan secara berkala (sekurang – kurangnya sekali sehari) terutamanya peralatan dan permukaan yang sering disentuh di makmal / bengkel. Staf akademik dan pembantu makmal / bengkel perlu memastikan proses pembersihan direkod untuk diperiksa.
8. Penjarakan Fizikal dan Pelitup Muka	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pemakaian pelitup muka ketika berada di dalam makmal / bengkel (<i>indoor</i>). Pemakaian pelitup muka ketika menjalankan aktiviti luar makmal / bengkel (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka adalah di atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi amat digalakkan terutama kepada pelajar, staf akademik dan pembantu makmal / bengkel yang berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang. Penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperlukan tetapi DIGALAKKAN dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.

9

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PENGURUSAN PELAJAR LUAR KAMPUS, DI KEDIAMAN DAN FASILITI KAMPUS

EDARAN IPT

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Laluan Keluar Masuk IPT	<ul style="list-style-type: none"> Kemasukan pelajar ke kampus dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi. Pelajar dengan status "<i>Berisiko Tinggi / High Risk</i>" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan pelajar yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan kembali ke kampus. Pelajar yang kembali ke kampus perlu sentiasa mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak. IPT dikehendaki menyemak status risiko pelajar dalam MySejahtera yang memasuki kampus.
2. Melakukan Saringan Gejala	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar perlu menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari sekiranya disahkan positif. Pelajar boleh dilepaskan daripada pengasingan bermula pada hari ke-4 sekiranya telah disahkan negatif menerusi ujian RTK Antigen yang diselia oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MMC sama ada secara fizikal ataupun secara maya (virtual). Keputusan ujian hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan.
3. Penjarakan Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> Pemakaian pelitup muka adalah WAJIB apabila berada di dalam kampus (<i>indoor</i>). Pemakaian pelitup muka di luar kampus (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka kampus adalah atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi AMAT DIGALAKKAN sekiranya individu tersebut bergejala, berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang dan sesak. Penjarakan fizikal di antara pelajar atau kumpulan tidak diperlukan tetapi DIGALAKKAN dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.
4. Penggunaan Fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan fasiliti guna sama di asrama dan kampus perlu dipantau bagi memastikan penguatkuasaan SOP. Pembersihan dan nyahkuman dilakukan secara berkala. Menggunakan cecair agen peluntur dan cecair disinfeksi mengandungi sekurang – kurangnya 70% alkohol jika berlaku kes.

10

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PENGURUSAN PELAJAR LUAR KAMPUS, DI KEDIAMAN DAN FASILITI KAMPUS

Tindakan	Penerangan Ringkas
5. Nasihat Kesihatan	<ul style="list-style-type: none">Pemakaian pelitup muka adalah WAJIB apabila berada di dalam bangunan IPT (<i>indoor</i>).Pemakaian pelitup muka di luar bangunan IPT (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka IPT adalah atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi AMAT DIGALAKKAN sekiranya individu tersebut bergejala, berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang dan sesak.Bersalaman dibenarkan, TETAPI hendaklah sentiasa mencuci atau membersihkan tangan dan jangan menyentuh muka selepas bersalaman.
6. Pusat Pengasingan Khas Pelajar	<ul style="list-style-type: none">Semua IPT digalakkan untuk menyediakan pusat pengasingan/kuarantin bagi pelajar bergejala/ positif. Pembersihan dan sanitasi dilakukan secara kerap.Memperkasa pengurusan kesihatan mental seperti tele-kaunseling dan program pengurusan stres dan emosi.Pemeriksaan Jawatankuasa Tindakan Kecemasan dan Bilik Gerakan di setiap institusi.

11

SOP SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI SEMASA FASA PERALIHAN KE ENDEMIK



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDARAN IPT

PENGURUSAN PELAJAR LUAR KAMPUS, DI KEDIAMAN DAN FASILITI KAMPUS

Tindakan	Penerangan Ringkas
7. Kafeteria / Kedai Runcit/ Bank / Farmasi di IPT	<ul style="list-style-type: none">Kafeteria / kedai runcit / bank / farmasi di IPT dibenarkan beroperasi mengikut masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.Pemilik, pengurus, pembantu, pekerja dan pengguna / pelanggan fasiliti dibenarkan berada di premis IPT tanpa mengira status vaksinasi mereka.Memastikan pemilik, pengurus, pembantu, pekerja dan pengguna / pelanggan fasiliti perlu mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.Pemilik, pengurus, pembantu, pekerja dan pengguna / pelanggan fasiliti dengan status "<i>Berisiko Tinggi / High Risk</i>" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan individu yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan berada di kafeteria.IPT perlu menyemak status risiko individu dalam aplikasi MySejahtera pemilik, pengurus, pembantu, pekerja dan pengguna / pelanggan fasiliti.

12



PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Pelaksanaan Aktiviti Pelajar	<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti sukan dan rekreasi adalah dibenarkan terakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.• Memastikan penganjur / peserta / pelajar yang memasuki IPT mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.• Penganjur / peserta / pelajar dengan status "Berisiko Tinggi / High Risk" pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan penganjur / peserta / pelajar yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan terlibat dengan aktiviti sukan / rekreasi.• Penganjur perlu menyemak status risiko peserta / pelajar dalam aplikasi MySejahtera yang menyertai aktiviti sukan / rekreasi.• Pemakaian pelitup muka adalah WAJIB bagi aktiviti di dalam bangunan IPT (<i>indoor</i>).• Pemakaian pelitup muka bagi aktiviti di luar bangunan IPT (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka IPT adalah atas pilihan (<i>optional</i>) tetapi AMAT DIGALAKKAN sekiranya peserta / pelajar bergejala, berisiko tinggi dan berada di kawasan ramai orang dan sesak.• Penjarakan fizikal di antara perseorangan atau berkumpul tidak diperlukan tetapi DIGALAKKAN dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.• Bersalaman dibenarkan, TETAPI hendaklah sentiasa mencuci atau membersihkan tangan dan jangan menyentuh muka selepas bersalaman.

Dikemas kini pada 12 Mei 2022



KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA

Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan National COVID-19 Testing Strategy

26 November 2021



Bil. Isi Kandungan Muka Surat

1.	Ujian pengesanan COVID-19 sebagai kebijakan baharu	2
2.	Keperluan ujian pengesanan COVID-19 secara umum	
	A. Bilakah anda patut jalani ujian pengesanan COVID-19?	4
	B. Apakah jenis ujian pengesanan COVID-19?	6
	C. Contoh cara penggunaan kit ujian pengesanan COVID-19 sendiri	7
	D. Bagaimanakah cara melaporkan keputusan ujian sendiri dan kontak rapat?	8
3.	Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus	9
	A. Tempat kerja	11
	B. Sektor pendidikan	14
	C. Perkumpulan berskala besar	20
	D. Kumpulan sasaran	22
	E. Pengembara dari luar negara	25
4.	Pengurusan kes	
	A. Pengurusan kes positif	27
	B. Pengurusan kontak rapat	28
	C. Garis panduan kuarantin sendiri	29

1. Ujian pengesanan COVID-19 sebagai kebiasaan baharu



Datuk Dr Norhayati
Binti Rusli
Pengarah, Bahagian
Kawalan Penyakit, KKM


Hai semua! Nama saya Dr. Yati. Saya akan berkongsi kaedah untuk menjaga kesihatan dan keselamatan Keluarga Malaysia dalam peralihan kepada endemik COVID-19.

Fokus saya hari ini adalah Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (*National COVID-19 Testing Strategy*).

Apakah tujuan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan?

1 Bagi membolehkan pembukaan semula sektor sosial dan ekonomi dengan selamat

Pandemik COVID-19 telah menjejaskan kehidupan rakyat dan ekonomi negara dengan teruk. Peralihan ke fasa endemik dengan dasar pengujian yang jelas adalah penting untuk membuka semula sektor sosial dan ekonomi dengan selamat.



2 Bagi memperkasa rakyat untuk hidup dalam fasa endemik dengan selamat

Untuk hidup dengan selamat dalam fasa endemik COVID-19, kita perlu mengamal dan menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu seperti melakukan ujian sendiri COVID-19. Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan adalah panduan yang akan membantu kita melindungi diri dan Keluarga Malaysia daripada jangkitan COVID-19.



3 Bagi memupuk keyakinan serta memutuskan rantaian jangkitan COVID-19

Ujian pengesanan adalah penting untuk mengurangkan risiko penularan COVID-19 sekaligus menurunkan kesan morbiditi dan mortaliti. Pengujian secara kerap dan mematuhi SOP akan membina keyakinan masyarakat untuk kesinambungan kehidupan seharian.



1. Ujian pengesanan COVID-19 sebagai kebiasaan baharu




Dalam peralihan kepada endemik COVID-19, pengamalan kebiasaan baharu adalah amat penting untuk kehidupan seharian bersama COVID-19.

Amalkan kaedah 'TRIS' untuk melindungi diri dan orang lain!

Apakah kaedah 'TRIS'?

Segera lakukan ujian pengesanan COVID-19 secara sendiri sekiranya mengalami gejala jangkitan seperti hidung berair, demam atau batuk.



Laporkan keputusan ujian pengesanan sendiri (negatif, positif, atau tidak sah) secepat mungkin di aplikasi MySejahtera.


Lakukan pengasingan sendiri dengan segera dan penuh disiplin sekiranya positif COVID-19. Patuhi perintah HSO¹ yang ditetapkan oleh KKM².

Segera maklumkan kepada kontak rapat dan ahli keluarga terdekat sekiranya positif. Maklumkan pihak berkuasa kesihatan atau CAC³ berhampiran sekiranya situasi kesihatan diri semakin merosot ketika kuarantin sendiri di rumah.

Dapatkan rawatan segera di pusat perubatan atau CAC berhampiran sekiranya gejala bertambah teruk seperti kesukaran bernafas atau demam panas.

Nota: ¹Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (*Home Surveillance Order*);
²Kementerian Kesihatan Malaysia;
³Pusat Penilaian COVID-19 (*COVID-19 Assessment Centre*)











2A. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 secara umum



Dengan menjalani ujian pengesanan COVID-19, anda boleh mengesahkan diri bebas daripada COVID-19. Sikap bertanggungjawab ini akan memberikan keyakinan untuk menjalankan aktiviti harian sekaligus melindungi orang lain. Jangan lupa untuk melaporkan keputusan ujian sendiri anda (positif, negatif atau tidak sah) melalui aplikasi MySejahtera!




Bilakah anda patut jalani ujian pengesanan COVID-19?

1. Jika bergejala


				
Demam/ menggigil	Kesesuan	Sukar bernafas	Sakit otot/ badan	Sakit kepala
				
Hidung berair	Batuk/sakit tekak	Muntah/cirit	Hilang deria rasa atau bau	

2. Jika dianggap sebagai kontak rapat

Setiap kontak rapat perlu menjalani kuarantin sendiri mengikut tempoh kuarantin yang ditentukan oleh KKM. Ini termasuklah individu yang disahkan negatif. Anda dianggap sebagai kontak rapat jika berinteraksi dengan individu kes positif dalam jarak 1 meter dan berada dalam mana-mana situasi di bawah:

		
Lebih daripada 15 minit	Berinteraksi tanpa pelitup muka	Bersentuhan

2A. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 secara umum











Anda juga digalakkan menjalani ujian pengesanan COVID-19 sebelum dan selepas menjalankan aktiviti dengan individu dari isi rumah yang lain.

Ia penting bagi mengelakkan penularan jangkitan kepada keluarga serta masyarakat dan mencegah kluster baharu.

Walaupun 'lengkap divaksin', anda digalakkan menjalani ujian pengesanan COVID-19 apabila melakukan aktiviti atau menghadiri acara melibatkan individu dari isi rumah yang lain.

Contoh aktiviti dan acara melibatkan perkumpulan dengan individu dari isi rumah yang lain:

			
Rentas negeri/ pelancongan domestik (termasuk balik kampung)	Melawat warga emas	Aktiviti keagamaan berskala besar	Persidangan berskala besar
			
Menyertai pertandingan sukan dan rekreasi	Majlis perkahwinan	Acara sukan atau hiburan berskala besar	Aktiviti sosial melibatkan individu dari isi rumah yang lain seperti majlis hari jadi

Nota: *Anda hanya diiktiraf sebagai individu yang telah lengkap divaksin apabila melepasi 14 hari dari tarikh suntikan dos kedua bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan, atau melepasi 28 hari dari tarikh suntikan bagi jenis vaksin yang memerlukan satu dos suntikan


2B. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 secara umum




Dengan kemudahan yang sedia ada, anda dapat mengesan jangkitan COVID-19 dengan ujian RTK-Ag atau RT-PCR.

Ujian RTK-Ag boleh dijalankan secara sendiri. Ia murah, mudah diperolehi dan menghasilkan keputusan dengan cepat.

Apakah jenis ujian pengesanan COVID-19?



RTK-Ag
Kit Ujian Pantas Antigen




RT-PCR
Ujian Tindak Balas Rantai Polimerase

Ringkasan	Ujian pengesanan COVID-19 yang boleh dijalankan secara sendiri atau oleh profesional ¹	Ujian pengesanan COVID-19 yang dijalankan oleh profesional ¹
Kaedah ujian	Calitan hidung dan/atau air liur	Calitan hidung dan tekak
Ketepatan	90 – 95%	99.9%
Keputusan ujian	15 – 20 minit	24 – 72 jam
Diperolehi di	Farmasi, pusat perubatan swasta dan premis jualan berlesen dengan KPDI/HEP ²	Klinik, hospital atau makmal awam/swasta


Nota: ¹Ujian pengesanan profesional perlu dilaksanakan di klinik atau fasiliti kesihatan. ²Kit ujian pengesanan mesti diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia

2C. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 secara umum


Contoh cara penggunaan kit ujian pengesanan COVID-19 sendiri




Jangan makan, minum atau merokok 30 minit sebelum menjalani ujian




Pastikan isi kandungan kit ujian lengkap dan belum melepasi tarikh luput




Basuh tangan anda sebelum menjalani ujian



Ambil sampel spesimen (mengikut arahan kit ujian)



Jalani ujian mengikut arahan kit




Baca keputusan mengikut tempoh masa yang ditetapkan



Basuh tangan anda selepas selesai ujian



Nyahkuman kawasan ujian










Masukkan spesimen dan kit dalam beg plastik dan buang ke dalam tong sampah

2D. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 secara umum





Bagaimanakah cara melaporkan keputusan ujian sendiri?

Semua keputusan ujian sendiri (positif, negatif atau tidak sah) perlu dilaporkan melalui aplikasi MySejahtera.

-  1. Buka aplikasi MySejahtera
-  2. Pilih 'Ujian Kendiri COVID-19'
-  3. Pilih 'Kemas kini Keputusan Ujian Kendiri'
-  4. Isikan butiran (nombor telefon, nama dan emel)
-  5. Pilih tempat kit ujian sendiri diperolehi
-  7. Pilih jenis sampel anda
-  8. Pilih keputusan ujian anda dan tekan 'Hantar'


Bagaimanakah cara melaporkan kontak rapat?

Semua pesakit dengan keputusan positif COVID-19 akan mendapat pesanan untuk menyenaraikan kontak rapat melalui aplikasi MySejahtera.

-  1. Isi butiran peribadi anda dengan betul
-  2. Masukkan maklumat kontak rapat
-  3. Tekan 'Tambah Kontak Rapat' untuk kontak rapat lain
-  4. Maklumat akan disahkan oleh pihak berkuasa

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Untuk kekal selamat, anda perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti tertentu.



Dalam bahagian ini, kita akan membincangkan aktiviti tertentu yang mempunyai syarat ujian pengesanan COVID-19 tambahan.

Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

- A. Tempat kerja**
 - Tempat kerja berisiko rendah
 - Tempat kerja berisiko tinggi
- B. Sektor pendidikan**
 - Universiti, kolej dan sekolah berasrama
 - Sekolah menengah harian
 - Sekolah rendah dan prasekolah – murid
 - Sekolah rendah dan prasekolah – guru dan staf sokongan institusi

C. Perkumpulan berskala besar

D. Kumpulan sasar

E. Pengembara dari luar negara



Nota: Syarat/majikan perlu menjalankan penilaian risiko tempat kerja berdasarkan garis panduan KKM untuk menentukan keperluan ujian pengesanan COVID-19. Sila rujuk ke Annex 25 di <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan> untuk garis panduan tersebut.

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Berikut adalah beberapa contoh senario individu untuk membantu anda memahami keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti tertentu berdasarkan status vaksinasi mereka.



Dayang

- Seorang murid sekolah menengah kebangsaan di Sarawak
- Telah lengkap divaksin



Adib

- Seorang jurutera yang bekerja di tapak pembinaan
- Tinggal di dormitori pekerja
- Telah lengkap divaksin



Siti

- Seorang akauntan di institusi kewangan
- Telah lengkap divaksin



Viraj

- Seorang pelajar di universiti awam
- Tinggal di dormitori universiti
- Telah lengkap divaksin



Dayang

- Seorang murid sekolah menengah kebangsaan di Sarawak
- Telah lengkap divaksin



Aaron

- Seorang peminat muzik
- Layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin



Jeff


- Pesara
- Suka bersenam di taman terbuka berdekatan
- Telah lengkap divaksin



Nota: Syarikat/majikan perlu menjalankan penilaian risiko tempat kerja berdasarkan garis panduan KKM untuk menentukan keperluan ujian pengesanan COVID-19. Sila rujuk ke Annex 25 di <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan> untuk garis panduan tersebut.

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

A. Tempat kerja (tempat kerja berisiko rendah¹)




Nota

- ¹ Pihak bertanggungjawab: Majikan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- ² Tahap risiko tempat kerja akan ditentukan berdasarkan rangka kerja penilaian risiko KKM yang mempertimbangkan liputan vaksinasi, keupayaan penjarakan fizikal, penghapusan pekerja dan lain-lain. Garis panduan untuk rangka kerja tersebut boleh didapati di portal KKM (<https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan>)
- ³ Majikan perlu membiayai kos ujian pengesanan pekerja yang telah lengkap divaksin atau tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan jika mereka didapati bergejala semasa berada di tempat kerja. Bagaimanapun pekerja perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri jika bergejala semasa berada di rumah
- ⁴ Bagi pekerja yang tidak divaksin atau layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, pekerja tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri
- Individu yang belum lengkap divaksin dianggap sebagai individu tidak divaksin
- Individu yang bergejala dan disahkan positif COVID-19 hendaklah pergi ke CAC (kerajaan atau swasta) atau fasiliti kesihatan swasta untuk pemeriksaan status klinikal kesihatan pesakit. Individu akan dirujuk ke PKRC/hospital bergantung kepada tahap status klinikal pesakit
- Individu yang bergejala dan disahkan negatif COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran serta memantau status kesihatan sendiri setiap hari dengan menggunakan *Health Assessment Tool* (HAT) melalui aplikasi MySejahtera
- Pekerja perkhidmatan awam perlu lengkap divaksin berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bitangan 4 Tahun 2021 (Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan)

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

A. Tempat kerja (tempat kerja berisiko tinggi)



Nota

- Pihak bertanggungjawab: Majikan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- ¹Tahap risiko tempat kerja akan ditentukan berdasarkan rangka kerja penilaian risiko KKM yang memperincikan liputan vaksinasi, keupayaan penjarakan fizikal, pengesanan pekerja dan lain-lain. Garis panduan untuk rangka kerja tersebut boleh didapati di portal KKM (<https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan>)
- ²Majikan perlu membiayai kos ujian pengesanan pekerja yang telah lengkap divaksin atau tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan jika mereka didapati bergelaja semasa di tempat kerja dan ketika ujian berkala dijalankan. Bagaimanapun pekerja perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri jika bergelaja semasa berada di rumah
- ³Bagi pekerja yang tidak divaksin atau layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, pekerja tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri
- Individu yang belum lengkap divaksin dianggap sebagai individu tidak divaksin
- Individu yang bergelaja dan disahkan positif COVID-19 hendaklah pergi ke CAC (kerajaan atau swasta) atau fasiliti kesihatan swasta untuk pemeriksaan status klinikal kesihatan pesakit. Individu akan dirujuk ke PKRC/hospital bergantung kepada tahap status klinikal pesakit
- Individu yang bergelaja dan disahkan negatif COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran serta memantau status kesihatan sendiri setiap hari dengan menggunakan *Health Assessment Tool (HAT)* melalui aplikasi MySejahtera.
- Pekerja perkhidmatan awam perlu lengkap divaksin berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 (Dasar Pelaksanaan Immunisasi COVID-19 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan)

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Tempat kerja berisiko tinggi¹ -- contoh: tapak pembinaan

Adib

- Tempat kerja Adib dikenal pasti sebagai tempat kerja berisiko tinggi berdasarkan penilaian risiko
- Adib telah lengkap divaksin
- Tidak bergelaja

Perlukah Adib menjalani ujian pengesanan COVID-19?

Adib perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 seminggu sekali kerana tempat kerja berisiko tinggi. Majikan Adib perlu memantau dan membiayai kos ujian.

Situasi lain bagi tempat kerja:

Apakah keperluan ujian bagi pekerja di tempat kerja tidak berisiko tinggi?

- Perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian sendiri RTK-Ag) sekiranya:
- bergelaja;
- dianggap sebagai kontak rapat.

Kontak rapat di tempat kerja¹ -- contoh: pejabat

Siti

- Semalam, rakan sekerja Siti yang bekerja di tingkat lain telah disahkan positif COVID-19
- Siti telah lengkap divaksin
- Berdasarkan penilaian risiko KKM, Siti tidak dikenal pasti sebagai kontak rapat

Perluakah Siti menjalani ujian pengesanan COVID-19?

Siti tidak perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19

Situasi lain:

- Apakah keperluan ujian bagi kontak rapat?
- Perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian sendiri RTK-Ag);
- Melaporkan keputusan melalui MySejahtera; dan
- Menjalankan kuarantin sendiri di rumah.

Nota: Syarikat/majikan perlu menentukan liputan vaksinasi, menyediakan kemudahan ujian pengesanan COVID-19, menjalankan penilaian risiko untuk meminimumkan risiko langkitan di tempat kerja. Sila rujuk portal KKM untuk gatis panduan penilaian risiko tempat kerja

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus


Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

B. Sektor pendidikan

- Universiti, kolej dan sekolah berasrama
- Sekolah menengah harian
- Sekolah rendah dan prasekolah – murid
- Sekolah rendah dan prasekolah – guru dan staf sokongan di institusi

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

B. Sektor pendidikan (universiti, kolej dan sekolah berasrama¹⁾)




Nota

- Pihak bertanggungjawab: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), institusi swasta berkaitan dan agensi berkaitan
- ¹Termasuk semua universiti, kolej, sekolah berasrama penuh, sekolah berasrama harian, Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi, institut pendidikan guru dan pusat tahfiz/madrasah
- ²Institusi perlu membiayai kos ujian pengesanan murid/pelajar, guru dan staf sokongan institusi yang telah lengkap divaksin atau tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan jika mereka didapati bergejala semasa berada di institusi atau semasa kembali ke institusi. Bagaimanapun ibu bapa/penjaga/murid/pelajar/staf perlu membiayai kos ujian pengesanan individu/sendiri jika bergejala semasa berada di rumah
- ³Bagi individu yang tidak divaksin atau layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, individu tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri
- ⁴Kembali ke institusi selepas cuti panjang; contoh termasuk cuti penggal dan cuti umum
- Individu yang belum lengkap divaksin dianggap sebagai individu tidak divaksin
- Individu yang bergejala dan disahkan positif COVID-19 hendaklah pergi ke CAC (kerajaan atau swasta) atau fasiliti kesihatan swasta untuk pemeriksaan status klinikal kesihatan pesakit. Individu akan dirujuk ke PKRC/hospital bergantung kepada tahap status klinikal pesakit
- Individu yang bergejala dan disahkan negatif COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran serta memantau status kesihatan sendiri setiap hari dengan menggunakan *Health Assessment Tool* (HAT) melalui aplikasi MySejahtera *
- Pekerja perkhidmatan awam perlu lengkap divaksin berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 (Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan)

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

B. Sektor pendidikan (institusi pendidikan bawah KPM dan yang berdaftar bawah KPM: 13 – 19 tahun)




Nota

- Pihak bertanggungjawab: KPM, institusi swasta berkaitan, agensi berkaitan dan ibu bapa/penjaga
- ¹ Institusi perlu membiayai kos ujian pengesanan murid, guru dan staf sokongan institusi yang telah lengkap divaksin atau tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan jika mereka didapati bergejala semasa berada di institusi. Bagaimanapun ibu bapa/penjaga/staf perlu membiayai kos ujian pengesanan individu/sendiri jika bergejala semasa berada di rumah
- ² Bagi individu yang tidak divaksin atau layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, individu tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri
- Individu yang belum lengkap divaksin dianggap sebagai individu tidak divaksin
- Individu yang bergejala dan disahkan positif COVID-19 hendaklah pergi ke CAC (kerajaan atau swasta) atau fasiliti kesihatan swasta untuk pemeriksaan status klinikal kesihatan pesakit. Individu akan dirujuk ke PKRC/hospital bergantung kepada tahap status klinikal pesakit
- Individu yang bergejala dan disahkan negatif COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran serta memantau status kesihatan sendiri setiap hari dengan menggunakan *Health Assessment Tool (HAT)* melalui aplikasi MySejahtera ³
- Pekerja perkhidmatan awam perlu lengkap divaksin berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 (Dasar Pelaksanaan Inisiatif COVID-19 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan)

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

B. Sektor pendidikan (sekolah rendah¹ dan prasekolah^{1,2} – murid)




Nota

- Pihak bertanggungjawab: KPM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Kerajaan Negeri, institusi swasta berkaitan dan agensi berkaitan
- ¹ Murid sekolah rendah merujuk kepada kumpulan umur 7 – 12 tahun, prasekolah/ tadika merujuk kepada kumpulan umur 4+ dan 5+ serta tugas merujuk kepada umur 1 – 4 tahun. Manakala, pusat perkembangan minda mengambil kumpulan umur dari 7 – 12 tahun
- ² Termasuk tugas, prasekolah, tadika swasta, tabika, pusat perkembangan minda serta pusat jagaan harian
- ³ Ibu bapa/penjaga perlu membiayai kos ujian pengesanan murid jika mereka didapati bergejala semasa berada di rumah
- ⁴ Institusi perlu membiayai kos ujian berkala dan kos ujian pengesanan murid jika mereka didapati bergejala semasa berada di institusi
- ⁵ Sama ada sampel air liur atau caitan yang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
- Murid yang bergejala dan disahkan positif COVID-19 hendaklah pergi ke CAC (kerajaan atau swasta) atau fasiliti kesihatan swasta untuk pemeriksaan status klinikal kesihatan pesakit. Individu akan dirujuk ke PKRC/hospital bergantung kepada tahap status klinikal pesakit
- Murid yang bergejala dan disahkan negatif COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran serta memantau status kesihatan sendiri setiap hari dengan menggunakan *Health Assessment Tool (HAT)* melalui aplikasi MySejahtera ⁶
- Prasekolah boleh menggunakan *Whistling COVID-19 Home Rapid Antigen Kit (RTK) Lollipop Design* sebagai cara ujian

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

B. Sektor pendidikan (sekolah rendah dan prasekolah 1— guru dan staf sokongan institusi)



- Litupan vaksinasi**
- Situasi**
- Kekerapan ujian**
- Jenis ujian**
- Nota**
- Pihak bertanggungjawab: KPM, KPWKW, KPLB, KPN, Kerajaan Negeri, institusi swasta berkaitan dan agensi berkaitan
 - Termasuk taska, prasekolah, tadika swasta, tabika, pusat perkembangan minda serta pusat jagaan harian
 - Institusi perlu membiayai kos ujian pengesanan guru dan staf sokongan institusi yang telah lengkap divaksin atau tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan, jika mereka didapati bergejala semasa berada di institusi. Bagaimanapun guru dan staf sokongan institusi perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri jika bergejala semasa di rumah
 - Bagi individu yang tidak divaksin atau layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, individu tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan sendiri
 - Individu yang belum lengkap divaksin dianggap sebagai individu tidak divaksin
 - Individu yang bergejala dan disahkan positif COVID-19 hendaklah pergi ke CAC (kerajaan atau swasta) atau fasiliti kesihatan swasta untuk pemeriksaan status klinikal kesihatan pesakit. Individu akan dirujuk ke PKRC/hospital bergantung kepada tahap status klinikal pesakit
 - Individu yang bergejala dan disahkan negatif COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran serta memantau status kesihatan sendiri setiap hari dengan menggunakan *Health Assessment Tool* (HAT) melalui aplikasi MySejahtera *
 - Pegaja perkhidmatan awam perlu lengkap divaksin berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 (Dasar Pelaksanaan Immunisasi COVID-19 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan)

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Institusi/sekolah berasrama

Viraj

- Viraj adalah seorang pelajar universiti yang tinggal di kampus
- Viraj akan kembali ke universiti selepas cuti penggal
- Viraj telah lengkap divaksin
- Tidak bergejala

Perluakah Viraj menjalani ujian pengesanan COVID-19?

Viraj perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 sebelum sesi universiti bermula. Pihak universiti Viraj perlu memantau dan membiayai kos ujian

Situasi lain bagi institusi/sekolah berasrama:

- Apakah keperluan ujian bagi murid/pelajar di sekolah berasrama yang tidak layak divaksin/tidak divaksin?**
- Perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian sendiri RTK-Ag):
- one-off sebelum sesi persekolahan bermula; dan
 - secara berkala seminggu sekali.
- Untuk murid/pelajar yang tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan, institusi perlu membiayai kos ujian pengesanan. Untuk murid/pelajar yang layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, murid/pelajar tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan.

Sekolah menengah harian

Dayang

- Dayang seorang murid Tingkatan 4
- Dayang berasa kurang sihat ketika di sekolah
- Dayang telah lengkap divaksin

Perluakah Dayang menjalani ujian pengesanan COVID-19?

Dayang perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 di sekolah dengan pemantauan staf sekolah dan perlu pulang ke rumah. Pihak sekolah perlu membiayai kos ujian

Situasi lain bagi sekolah menengah harian:


- Perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian sendiri RTK-Ag):
- jika bergejala – murid yang bergejala dilarang memasuki kawasan sekolah; atau
 - seminggu sekali dengan pemantauan ibu bapa/penjaga. Untuk murid yang tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan, institusi perlu membiayai kos ujian pengesanan. Untuk murid yang layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin, ibu bapa/penjaga murid tersebut perlu membiayai kos ujian pengesanan.
- Apakah keperluan ujian bagi murid sekolah harian yang tidak layak divaksin/tidak divaksin?**

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

C. Perkumpulan berskala besar



C. Perkumpulan berskala besar


D. Kumpulan sasar

Nota

- Individu yang bergejala, tidak divaksin atau layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin tidak dibenarkan menghadiri perkumpulan berskala besar
- Pihak bertanggungjawab: Pihak penganjur
- Pihak penganjur perlu mematuhi SOP yang ditetapkan bagi aktiviti perkumpulan berskala besar sama ada di ruang tertutup (*Indoor*) atau di ruang terbuka (*Outdoor*).
- Individu hanya diktiraf sebagai individu yang telah lengkap divaksin apabila melepasi 14 hari dari tarikh suntikan dos kedua bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan, atau melepasi 28 hari dari tarikh suntikan bagi jenis vaksin yang memerlukan satu dos suntikan
- Individu yang belum lengkap divaksin dianggap sebagai individu tidak divaksin


3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

D. Kumpulan sasaran (1/2)




3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

D. Kumpulan sasaran (2/2)



3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Perkumpulan berskala besar



Aaron

- Minggu depan, Aaron akan ke konsert Ed Sheeran
- Aaron layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin
- Tidak bergejala

Bolehkah Aaron menghadiri konsert?

Aaron dilarang menghadiri konsert kerana Aaron layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin

Situasi lain bagi perkumpulan berskala besar:


Apakah keperluan

ujian bagi pengunjung yang bergejala?

Individu bergejala:

- dilarang menyertai perkumpulan berskala besar; dan
- perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19.

Kumpulan sasar -- warga emas



Jeff

- Jeff tinggal di rumah penjagaan orang-orang tua dengan kadar liputan vaksinasi >80 peratus
- Jeff ingin bersenam di taman terbuka berdekatan
- Jeff telah lengkap divaksin
- Tidak bergejala

Perluakah Jeff menjalani ujian pengesanan COVID-19?

Jeff tidak perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19

Situasi lain bagi warga emas:

Perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian

kendiri RTK-Ag) sekiranya:

- bergejala;
- dianggap sebagai kontak rapat; atau
- melibatkan diri dalam perkumpulan berskala besar.


3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus

E. Pengembara dari luar negara

3. Keperluan ujian pengesanan COVID-19 bagi aktiviti khusus


E. Pengembara dari luar negara



Note: Carta aliran ini akan dikemas kini berdasarkan keputusan KKM; ¹Hanya satu ujian pengesanan diperlukan. Sambil akan dianalisis oleh kedua-dua ujian RTK-Ag dan RT-PCR; ²Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19; ³Pelepasan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan (Release Order)

4A. Pengurusan kes


Carta aliran pengurusan pesakit positif



Note: Carta aliran ini akan dikemas kini berdasarkan keputusan KKM; ¹Pusat Kesihatan Daerah; ²Pusat Penilaian COVID-19 (COVID-19 Assessment Centre); ³Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19; ⁴Pelepasan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan (Release Order)

4B. Pengurusan kes

Carta aliran pengurusan kontak rapat




Jika positif, sila rujuk carta aliran pengurusan pesakit positif di muka surat 27

Nota: Carta aliran ini akan dikemas kini berdasarkan keputusan KKM:
¹Perintah Pengawasan dan Pemantauan di Rumah (Home Surveillance Order); ²Pelepasan Perintah Pengawasan dan Pemantauan (Release Order)

4C. Pengurusan kes

Garis panduan kuarantin sendiri

Sebagai kes positif/kontak rapat



Apa yang perlu dilakukan jika anda tidak boleh menjalani kuarantin sendiri di rumah secara selamat?

Anda perlu dikuarantin di stesen kuarantin yang dikenal pasti dan diwartakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Lampiran 1: Jenis surveilan

Selain ujian pengesanan, KKM akan melaksanakan surveilan berikut untuk memantau penularan COVID-19. Surveilan kesihatan awam bertujuan memantau kadar penularan penyakit dalam komuniti dan di peringkat penduduk atau untuk mencirikan kejadian (*incidence*) dan kelaziman (*prevalence*) penyakit.

Lampiran

Lampiran 1: Jenis surveilan

31

Lampiran 2: Program pengesanan hospital

32

Muka Surat

Jenis Surveilan

Penerangan

- Pesakit dengan gejala pematasan (*respiratory symptoms*) yang hadir ke klinik kesihatan sentinel dipilih sebagai sampel, 15 sampel dikumpul setiap minggu dari 41 klinik kesihatan
- Sampel diuji oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKKAK) dan empat Makmal Kesihatan Awam (MKA) regional
- Sampel positif akan dihantar kepada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) atau MKKAK untuk isolasi virus dan Penjujukan Genom Penuh (WGS)

Surveilan makmal ILI (Influenza-Like-Illness)

Surveilan klinikal ILI (Influenza-Like-Illness)

- Semua pesakit yang hadir ke klinik kesihatan dengan gejala pematasan (*respiratory symptoms*) termasuk dalam surveilan
- Data yang dikumpul akan dianalisis oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Laporan dihantar kepada Jabatan Kesihatan Negeri berkenaan dan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC)

Surveilan SARI (Severe Acute Respiratory Infections)

- Pesakit yang dimasukkan ke hospital dengan gejala pematasan akut yang teruk (*severe acute respiratory symptoms*) dipilih secara rawak untuk persampelan
- Hospital yang terlibat termasuk semua 14 hospital negeri, dua hospital untuk wanita dan kanak-kanak, satu hospital universiti dan satu hospital swasta. Lima sampel dikumpul dari setiap lokasi
- Sampel positif akan dihantar kepada IMR untuk isolasi virus dan WGS

- Surveilan persekitaran boleh menunjukkan kehadiran virus dalam komuniti

- Jenis sampel:


- Kumbahan: satu lokasi setiap negeri setiap bulan; tiga sampel dikumpul setiap lokasi
- Kualiti udara dalam bangunan: satu sampel setiap lokasi setiap bulan

Persekitaran

- Surveilan persekitaran akan dibuat secara berkala – termasuk jumlah sampel dan kekerapan persampelan

Lampiran 2: Program pengesanan hospital

Jenis Survelan	Kriteria	Bilangan Sentinel	Jenis Ujian	Bilangan Sampel/ Minggu
Pra-Kemasukan (Hospital)	<ul style="list-style-type: none"> Bergejala Kumpulan berisiko tinggi <i>Epid-linked/</i> Kadar jangkitan setempat tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> Semua hospital 	<ul style="list-style-type: none"> RTK-Ag 	Bilangan kemasukan
Pra-Pembedahan	<ul style="list-style-type: none"> Semua kemasukan bagi prosedur/pembedahan efektif 	<ul style="list-style-type: none"> Semua hospital 	<ul style="list-style-type: none"> RT-PCR RTK-Ag 	Bilangan prosedur/pembedahan



Dokumen ini telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

HUBUNGI KAMI

Kementerian Kesihatan Malaysia

www.moh.gov.my



Kementerian
Kesihatan Malaysia



kementeriankesihatanmalaysia



Kementerian
Kesihatan Malaysia



Official Kementerian
Kesihatan Malaysia



@KKMPutrajaya




@KKMPutrajaya

Untuk maklumat lanjut sila layari:
Portal COVID-19: covid-19.moh.gov.my

#ReopeningSafely

Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely

1 Mei 2022



Arahan Tetap

- Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
 - Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022]
 - Tentatuk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa
1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022]. SOP ini hendaklah dipatuhi oleh semua individu di seluruh Malaysia dan mula bertkuat kuasa pada 1 April 2022.
 2. SOP ini menetapkan keperluan wajib untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian. Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu hendaklah sentiasa mematuhi SOP semasa menjalankan atau menyertai aktiviti di premis yang berkenaan termasuk kawasan tertutup, ruang tertutup atau di dalam kenderaan. Definisi adalah seperti berikut:
 - A) Pihak bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan premis termasuk kenderaan² atau aktiviti yang dijalankan termasuk pemilik/pemunya/penghuni, pemegang pendaftaran/lesen/permit beroperasi, operator premis, syarikat, peniaga, majikan, pertubuhan, persatuan, pengurusan rumah ibadat (termasuk masjid dan surau), pengangsur, pengatur acara atau tuan rumah untuk keclamaan persendirian.

Nota: ¹ Definisi "premis" di bawah Akta 342 "termasuklah apa-apa struktur, kekal atau sejalinya, tanah di mana struktur itu terletak, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengannya, dan termasuk juga mana-mana jalan, kawasan lapang atau kenderaan".

² Definisi "kenderaan" dalam Akta 342 "termasuklah kapal, pesawat udara, keretapi, kenderaan jalan raya dan apa-apa alat pengangkutan lain".
 - B) Pekerja
 - C) Individu
- Orang yang hadir di premis atau menjalankan aktiviti termasuk pelanggan, pengunjung, penonton, pengatur, ibu bapa, murid, pelajar, pelatih atau peserta;
 - Ibu bapa atau peniaga hendaklah bertanggungjawab terhadap tanggungan masing-masing (contoh: individu di bawah 18 tahun, warga emas, individu kurang upaya dan berkeperluan khas);
 - Majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya, dan Pengembara dari luar negara sama ada individu warganegara atau bukan warganegara yang memasuki Malaysia, melalui laluan udara, laut dan darat. Pengembara juga hendaklah mematuhi semua akta, peraturan dan SOP berkaitan keperluan pengembara sebelum berlepas ke Malaysia, semasa ketibaan di Malaysia dan semasa berada di Malaysia.

Arahan Tetap

3. Keperluan Umum dalam SOP ini hendaklah dipatuhi oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu yang berkaitan melainkan dengan pengecualian tertentu yang telah diberikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan SOP ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah Kesihatan atau seseorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta 342, apabila disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya. Pengisytiharan maklumat palsu yang dibuat oleh individu adalah satu kesalahan di bawah seksyen 22.(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.
5. Jika sesuatu perubahan perbadanan (syarikat, pertkongsian ilabilli terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain) melakukan suatu kesalahan di bawah SOP ini, mana-mana orang yang pada masa melakukan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha syarikat atau pegawai lain yang sempurnanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian:
 - a. Boleh dipertuuh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekat dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
 - b. Jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disitakat bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktilkan:
 - i. Bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - ii. Bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.
6. Mana-mana Pekerja dan Individu secara amnya mesti memahami syarat kehadiran di premis atau penyertaan aktiviti-aktiviti tertentu serta akur kepada arahan Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis semasa berada di premis di mana aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan.
7. Bagi kawasan/lokalti yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), SOP PKPD di kawasan/lokalti berkenaan adalah berkuat kuasa sehingga tarikh tamat PKPD tersebut.
8. Dalam situasi/keadaan tertentu, Kementerian, Jabatan atau Agensi boleh mengeluarkan protokol khusus bagi tujuan menerangkan pelaksanaan sesuatu perkara atau keadaan itu berdasarkan keperluan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Selain daripada SOP ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk sentiasa mematuhi undang-undang, ketetapan dan lain-lain arahan yang berkuat kuasa atau dikeluarkan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa.

Kategori aktiviti

Aktiviti-aktiviti di bawah tenaikulik kepada bidang kuasa Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

Bil. Kategori Aktiviti

- 1 Pengangkutan dan Perjalanan
- 2 Institusi Pendidikan dan Penjagaan
- 3 Aktiviti Peruncitan, Makanan dan Minuman
- 4 Ruang Kerja Tertutup
- 5 Kawasan Kerja Terbuka
- 6 Acara, Majlis, Hiburan dan Tarikan Pelancong
- 7 Hotel dan Penginapan Tetamu
- 8 Keagamaan, Perkahwinan dan Pengebumian
- 9 Aktiviti dan Fasiliti Sukan, Rekreasi & Riadah

Bil. Perkara-perkara yang Tidak Dibenarkan

- 1 Aktiviti di Kelab Malam

Nota: Aktiviti di Kelab Malam dibenarkan mulai 15 Mei 2022 dengan protokol pelaksanaan yang ditetapkan.

KEPERLUAN UMUM

	Muka Surat
1. Waktu Beroperasi	5
2. Pelitup Muka	5
3. Pengudaraan	6
4. Kebersihan Tangan	6
5. Pembersihan Premis	6
6. Ujian Pengesanan COVID-19	6
7. Pengurusan Individu	7

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan Syarat yang dikuatkuasakan

1. Waktu Beroperasi

- A) Pihak Berkuasa Jawab Ke Atas Premis;
- i. Beroperasi mengikut syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

- i. Memastikan Pekerja dan Individu sentiasa memakai pelitup muka semasa di ruang tertutup?

B) Pekerja dan C) Individu:

- i. Memakai pelitup muka semasa di ruang tertutup?

Nota: 1 Pemakaian pelitup muka di luar bangunan (*outdoor*) dan kawasan terbuka tidak diwajibkan tetapi digalakkan terutamanya apabila:

- Berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti bazaar/ramadan, pasar malam, stadium;
- Individu yang bergejala seperti demam, batuk dan selesema;
- Individu yang bersiko tinggi;
- Melakukan aktiviti bersama orang yang bersiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.

2 Pemakaian pelitup muka diwajibkan apabila berada di dalam bangunan (*indoor*) termasuk gedung membeli belah dan pengangkutan awam termasuk *e-hailing*.

3 Pengecualian pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (*indoor*) hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:

- Penghuni di kediaman sendiri, bilik hotel, bilik di tempat penginapan, di tempat dan kemudahan awam yang tidak melibatkan interaksi dengan individu lain;
- Ruang kerja bersendirian;
- Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah tetapi ia hendaklah segera dipakai semula setelah selesai melakukan aktiviti tersebut;
- Sewaktu makan dan minum;
- Aktiviti persembahan (menyanyi, menari, berlakon);
- Sewaktu sedang berucap atau berceramah;
- Kanak-kanak berusia lima (5) tahun dan ke bawah;
- Individu berkeperluan khas (Orang Kurang Upaya tertentu seperti Individu dengan *Cerebral Palsy* atau *Autism*); atau
- Individu mempunyai masalah pemafasan (dengan syarat mengemukakan laporan perubahan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar).

2. Pelitup Muka^{1,2,3}

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan Syarat yang dikuatkuasakan

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

- i. Memastikan premis tertutupnya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan Dan Kualiti Udara Dalam, Jabatan Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (JKKP)¹.

3. Pengudaraan

Nota: ¹ Sila rujuk Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam, JKKP di <https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/aircleanse-note-on-indoor-air-quality-faq-during-covid-19-pandemic>

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

- i. Menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau *hand sanitizer* di tempat bersesuaian dan strategik.

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

4. **Kebersihan Tangan**
 - i. Melaksanakan proses pembersihan secara berkala (sekurang-kurangnya sekali sehari) terutamanya di kawasan umum atau peralatan dan permukaan sering disentuh; dan
- ii. Memastikan proses pembersihan direkod untuk diperiksa.

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

6. **Ujian Pengesanan COVID-19** (Berdasarkan dan tertakluk kepada Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS))
 - i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 mengikut NTS¹ untuk Pekerja dan Individu.
 - ii. Pengamal perubahan di mana-mana fasiliti kesihatan hendaklah menggunakan Sistem eCOVID bagi memasukkan data individu yang menjalankan ujian pengesanan COVID-19, sama ada dilakukan secara fizikal atau secara maya dengan pengamal perubahan tersebut.

B) Pekerja dan C) Individu:

- i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 mengikut NTS¹; dan
- ii. Melaporkan keputusan ujian di aplikasi MySejahtera.

Nota: ¹ Sila rujuk Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS), KKM di <https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsatelitns>

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan Syarat yang dikuatkuasakan

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

- i. Menyediakan protokol kesihatan dan keselamatan serta menguruskan individu bergejala, kes disahkan COVID-19 dan kontak rapat berdasarkan COVID-19 *Management Guidelines for Workplaces*, KKM (Annex 25)¹;
- ii. Memastikan Pekerja dengan status MySejahtera 'Risiko Tinggi', iaitu kes positif COVID-19 dan individu sedang dalam tempoh Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO), tidak dibenarkan berada di premis atau di lokasi aktiviti;
- iii. Menjalankan proses pembersihan dan disinfeksi berdasarkan Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, KKM (Annex 36)¹;
- iv. Membayai kos ujian saringan sekiranya Pekerja bergejala semasa di premis atau di lokasi aktiviti, kos pembersihan dan disinfeksi di premis;
- v. Majikan perlu menanggung kos pengasingan kes COVID-19 dan kuarantin semasa ke semasa; dan
- vi. Menerima pakai digital HSO untuk Pekerja yang disahkan COVID-19 sebagai pembuktian Pekerja menjalani pengasingan atau kuarantin.
- vii. Jika didapati berlaku kluster kes COVID-19 di sesebuah premis, laporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dengan segera.

B) Pekerja dan C) Individu:

- i. Melaporkan keputusan ujian dalam aplikasi MySejahtera sekiranya positif COVID-19; dan
- ii. Menjalani pengasingan berdasarkan ketetapan KKM sekiranya positif COVID-19².
- iii. Dilarang memasuki premis atau menjalankan aktiviti jika status MySejahtera adalah 'Berisiko Tinggi', iaitu kes positif COVID-19 atau dalam tempoh Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan Rumah (HSO)

Nota: ¹ Sila rujuk [panduan COVID-19 KKM \(Annex 25 dan Annex 36\)](#)

² Sila rujuk [Protokol Kesihatan COVID-19 KKM](#)

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan Syarat yang dikuatkuasakan

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

- Memaklumkan syarat keperluan pengembara melalui cara komunikasi yang bersesuaian; dan
- Memastikan pengembara yang akan memasuki Malaysia, sama ada menggunakan pengangkutan udara, laut atau darat telah melengkapkan borang pra-pelepasan dalam aplikasi MySejahtera, dan mendapat *Travellers Card*¹ sebelum menaiki pengangkutan udara, laut atau darat.

B) Pekerja:

- Memastikan pengembara yang akan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia memaparkan *Travellers Card*¹ dalam aplikasi MySejahtera yang menunjukkan pengembara telah mengisi borang pra-pelepasan dan memuat naik siji vaksinasi.

C) Individu:

- Pengembara dikehendaki melengkapkan perkara-perkara berikut sebelum berlepas ke Malaysia (contoh: sebelum menaiki pesawat/ semasa di luar negara):
 - Memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera;
 - Melengkapkan borang pra-pelepasan di ikon 'Pengembara' dalam MySejahtera dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum berlepas ke Malaysia, termasuk maklumat vaksinasi serta memuat naik siji vaksinasi.
- Dikehendaki melakukan perkara-perkara berikut semasa ketibaan di Malaysia:
 - Membawa bersama maklumat-maklumat yang diperlukan sebagai bukti atau memuat naik dalam MySejahtera untuk semakan;
 - Mengemukakan *Travellers Card* yang dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA); dan
 - Melalui saringan demam dengan imbasan *thermal scanner* atau rujukan kendiri kepada petugas kesihatan sekiranya bergejala untuk pemeriksaan lanjut di kaunter kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).
- Mana-mana pengembara yang dikesan bergejala semasa berada di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara akan diarahkan menjalani RTK-Ag dengan penyediaan pengamam perubahan sama ada secara fizikal atau maya dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan.

Nota: ¹ Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian antara kedua-dua negara dan sila rujuk Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.

² Protokol yang sama akan diguna pakai bagi semua kategori pengembara termasuk Umrah, Haji, pekerja asing, pelajar, pekerja pelantar minyak dan pengembara berulang-alik secara Harian (*daily commuters*)/ Kerap (*frequent commuters*).

³ Pengembara lengkap vaksin termasuk pengembara berusia 18 tahun dan ke atas yang lengkap vaksinasi, pengembara yang mempunyai sejarah jangkitan COVID-19 dalam tempoh enam (6) ke enam puluh (60) hari dari tarikh sampai positif diambil, dan pengembara berusia 17 tahun dan ke bawah tanpa mengira status vaksinasi.

⁴ Pengembara berulang-alik secara Harian (*daily commuters*)/ Kerap (*frequent commuters*) tidak perlu mendapatkan *Travellers Card* sebelum menaiki pengangkutan udara, laut atau darat.

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan Syarat yang dikuatkuasakan

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

- Memaklumkan syarat keperluan pengembara melalui cara komunikasi yang bersesuaian; dan
- Memastikan pengembara yang akan memasuki Malaysia, sama ada menggunakan pengangkutan udara, laut atau darat telah melengkapkan borang pra-pelepasan dalam aplikasi MySejahtera, memuat naik keputusan ujian RT-PCR yang dibuat dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia, dan mendapat *Travellers Card* sebelum menaiki pengangkutan udara, laut atau darat.

B) Pekerja:

- Memastikan pengembara yang akan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia memaparkan *Travellers Card* dalam aplikasi MySejahtera yang menunjukkan pengembara telah:
 - Mengisi borang pra-pelepasan; dan
 - Memuat naik dokumen-dokumen berkaitan (siji vaksinasi (jika ada) dan keputusan ujian RT-PCR yang dibuat dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia).

7C. Pengurusan Pengembara Tidak Lengkap Vaksin/ Tidak Menerima

- Memastikan hanya pengembara dengan keputusan negatif ujian RT-PCR yang dibuat dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas sahaja yang dibenarkan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia.

C) Individu:

- Pengembara dikehendaki melengkapkan perkara-perkara berikut sebelum berlepas ke Malaysia (contoh: sebelum menaiki pesawat/ semasa di luar negara):
 - Jalani ujian RT-PCR dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas;
 - Memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera;
 - Melengkapkan borang pra-pelepasan di ikon 'Pengembara' dalam MySejahtera dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum berlepas ke Malaysia, termasuk maklumat vaksinasi serta memuat naik siji vaksinasi (jika ada) dan keputusan ujian RT-PCR yang dibuat dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas.

Nota: ¹ Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian antara kedua-dua negara dan sila rujuk Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.

² Protokol yang sama akan diguna pakai bagi semua kategori pengembara termasuk Umrah, Haji, pekerja asing, pelajar, pekerja pelantar minyak dan pengembara berulang-alik secara Harian (*daily commuters*)/ Kerap (*frequent commuters*).

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan Syarat yang dikuatkuasakan

G1 Individu:

- ii. Dikehendaki melakukan perkara-perkara berikut semasa ketibaan di Malaysia:
 - a. Membawa bersama maklumat-maklumat yang diperlukan sebagai bukti atau memuat naik dalam MySejahtera untuk semakan;
 - b. Mengemukakan *Travellers Card* yang dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA); dan
 - c. Melalui saringan demam dengan imbasan *thermal scanner* atau rujukan sendiri kepada petugas kesihatan sekiranya bergejala untuk pemeriksaan lanjut di kaunter kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).
- iii. Memasikkan perkara-perkara berikut dilakukan dengan pematuhan prosedur-prosedur berkaitan:
 - a. Jalani ujian RTK-Ag profesional di fasiliti kesihatan swasta atau jalani ujian RTK-Ag dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta³ dalam tempoh 24 jam dari masa ketibaan; dan
 - b. Jalani kuarantin wajib (Perintah Pengawasan dan Pemeriksaan di bawah Akta 342) di rumah/ hotel/ tempat penginapan selama lima (5) hari;
 - c. Isi borang penilaian status kesihatan sendiri (HAT) setiap hari dalam MySejahtera;
 - d. Jalani ujian RT-PCR (hari ke-4) atau ujian RTK-Ag profesional/ ujian RTK-Ag sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta³ (hari ke-5).
- iv. Bagi pengembara berulang-alik secara harian/ kerap melalui sempadan darat perlu mematuhi prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan¹.

Nota: ¹ Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian minyak dan Perjalanannya.

² Protokol yang sama akan diguna pakai bagi semua kategori pengembara termasuk Umrah, Haji, pekerja asing, pelaut, pekerja pelantar minyak dan pengembara berulang-alik secara Harian (*daily commuters*)/ Kerap (*frequent commuters*).

³ Ujian RTK-Ag sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta boleh dijalankan secara maya.

PANDUAN TAMBAHAN

Muka Surat

12

1. Vaksinasi

1. Panduan Vaksinasi

Seseorang individu perlu memenuhi syarat berikut untuk dianggap sebagai vaksinasi lengkap:


Jenis Vaksin	Status Vaksinasi Lengkap ^{1,2,4} Jumlah Suntikan Yang Perlu Diterima Mengikuti Status Vaksinasi				Tempoh Efektif Status Vaksinasi Selepas Suntikan Terakhir	
	Dos Primer Lengkap	Individu		Pengembara		
		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)	Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)	Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		
<ul style="list-style-type: none"> • CoronaVac (Sinovac) • Covilo (Sinopharm) • Cominaty (Pfizer-BioNTech) • COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca) • Spikevax (Moderna) • COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) • Convidecia (CanSino) 	2 dos	3 dos	3 dos	3 dos	3 dos	Suntikan dos primer: 14 hari
<ul style="list-style-type: none"> • COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) • Convidecia (CanSino) 	2 dos	2 dos	3 dos	2 dos	3 dos	Suntikan dos penggalak: Selepas suntikan diterima
<ul style="list-style-type: none"> • Semua jenis vaksin lain 	1 dos	1 dos	2 dos	1 dos	2 dos	Suntikan dos penggalak: Selepas suntikan diterima

Nota: ¹ Senarai jenis, jenama vaksin dan definisi vaksinasi lengkap di atas tertakluk kepada pengiktirafan KKM dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Untuk vaksin lain yang dikitar oleh Penyenaraian Penggunaan Kecemasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization's Emergency Use Listing*), definisi vaksinasi lengkap tertakluk kepada pengiktirafan WHO, pihak berkuasa antarabangsa dan negara asal (senarai jenis dan jenama vaksin ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa).

² Semua penerima vaksin Sinovac dan Sinopharm berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun dan ke atas akan kehilangan status Vaksinasi Lengkap dalam aplikasi MySejahtera mereka sekiranya masih belum menerima dos penggalak bermula 1 April 2022. Namun maklumat sejarah vaksin primer yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera masih kekal³.

³ Bagi kumpulan individu yang dinyatakan di atas², mereka masih boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan ke atas individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dos primer.

⁴ Bagi jemaah umrah dan haji, Kerajaan Malaysia menetapkan keperluan dos penggalak untuk melindungi jemaah kerana risiko jangkitan yang tinggi di perhimpunan ramai di Tanah Suci. Jemaah berusia 18 tahun ke bawah tidak tertakluk kepada keperluan ini sekiranya mengerjakan umrah bersama ahli keluarga yang lengkap vaksinasi dan dos penggalak.



KAWALAN VERSI

Revisi	Tarikh	Sebab	Disyorkan Oleh
1.0	01.04.22	N/A	N/A
1.1	01.05.22	Definisi Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis Syarat yang dikuatkuasakan oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis dan Individu	Arahan Tetap Pengurusan Pengembara Dari Luar Negara



MYSOP

Dokumen ini telah disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

HUBUNGI KAMI

Malaysia Government Call Centre
800080000@mygcc.gov.my | 03-8000 8000 | www.malaysia.gov.my

Kementerian Kesihatan Malaysia
cprc@moh.gov.my | 03-7723 9300 | www.moh.gov.my

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
projkkp@moh.gov.my | 03 8886 5343 | www.dosh.gov.my

Untuk maklumat lanjut sila layari.

Portal MKN: <https://www.mkn.gov.my/>

Portal MySOP: <https://www.mysop.gov.my/>

Portal Protokol Kesihatan COVID-19 KKM: <https://covidprotocol.moh.gov.my/>

#ReopeningSafely

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS
(FAQ)**

**PENGOPERASIAN SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI
BAGI FASA PERALIHAN KE ENDEMIK**

UMUM

1. **Siapakah pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus?**
Semua pelajar tanpa mengira status vaksinasi dibenarkan pulang ke kampus kecuali:
 - (i) pelajar dengan status "High Risk" dalam aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19; dan
 - (ii) individu yang diberi arahan HSO.
2. **Adakah kehadiran/ kemasukan individu (pelajar, staf dan pelawat) ke IPT perlu didaftarkan?**
Imbasan kod QR MySejahtera **TIDAK DIWAJIBKAN** apabila memasuki premis IPT. Walau bagaimanapun, semua individu perlu mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.
Individu dengan status "High Risk" dalam aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan individu yang diberi arahan HSO **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke IPT.
Pihak pengurusan IPT hendaklah menyemak status risiko individu dalam aplikasi MySejahtera yang akan memasuki IPT.
3. **Adakah pemakaian pelitup muka diwajibkan sepanjang masa di IPT?**
Pemakaian pelitup muka **DIWAJIBKAN** apabila berada di dalam bangunan (*indoors*). Walau bagaimanapun, pengecualian pemakaian pelitup muka adalah dibenarkan dalam keadaan berikut:
 - (i) Pelajar/individu berada di tempat dan kemudahan awam yang tidak melibatkan interaksi dengan pelajar/individu lain;
 - (ii) Ruang belajar/ kerja bersendirian;
 - (iii) Semasa melakukan aktiviti sukan, rekreasi dan riadah tetapi ia hendaklah dipakai semula setelah selesai melakukan aktiviti tersebut;
 - (iv) Sewaktu makan dan minum;
 - (v) Sewaktu sedang berucap atau aktiviti persembahan; dan

(vi) Individu mempunyai masalah pernafasan (dengan syarat mengemukakan laporan perubahan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar).

Remakan pelitup muka di luar bangunan (*outdoors*) dan kawasan terbuka adalah atas pilihan (*optional*) tetapi **AWAT DIGALAKKAN** kerana pelitup muka mampu mengurangkan penularan jangkitan.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DAN AKTIVITI PENYELIDIKAN/ WAKMIAL/ BENGKEL

4. **Bagaimana dengan kaedah pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di IPT semasa Fasa Peralihan ke Endemik?**
Mengikut kesesuaian kursus pengajian, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan dilaksanakan sama ada secara bersemuka sepenuhnya atau hibrid (bersemuka dan dalam talian) berdasarkan ketetapan IPT masing-masing.
Pelajar boleh merujuk terus kepada IPT masing-masing untuk pengesahan kaedah PdP yang akan dilaksanakan.
5. **Adakah IPT boleh memilih untuk terus melaksanakan PdP sepenuhnya secara dalam talian?**
IPT **BOLEH** memilih untuk terus melaksanakan PdP sepenuhnya secara dalam talian mengikut kesesuaian program.
6. **Adakah aktiviti penyelidikan/ makmal/ bengkel dibenarkan?**
YA, aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal/bengkel dan peralatan khas yang berkeperluan dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan.
7. **Apakah SOP yang ditetapkan bagi pelaksanaan PdP dan aktiviti makmal/ penyelidikan/ bengkel secara bersemuka di IPT ?**
SOP yang ditetapkan bagi pelaksanaan PdP dan aktiviti makmal/ penyelidikan/ bengkel di IPT adalah seperti berikut:
 - (i) **Status Kesihatan Pelajar**
IPT perlu memastikan individu yang mempunyai status "High Risk" dalam aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan individu yang diberi arahan HSO tidak dibenarkan masuk. Individu yang mempunyai gejala batuk, selesema, sakit tekak atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk ke kelas/makmal dan akan dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti/ Klinik/ Hospital/ COVID-19 Assessment Center (CAC) berdekatan untuk tindakan susulan.

menjalani ujian kendiri RTK-Ag seminggu sekali dan semasa kembali ke institusi dengan pemantau IPT.*

*tentakuk kepada sebarang perubahan pada Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh KKM

9. **Adakah pelajar yang bergejala di kampus perlu menjalani ujian saringan COVID-19?**

YA. Pelajar di kampus yang bergejala perlu menjalani Ujian RTK-Ag kendiri dan ditempatkan di Pusat Pengasingan yang disediakan oleh IPT bagi pemantauan tahap kesihatan pelajar.

10. **Siapakah pihak yang menanggung kos ujian saringan COVID-19 ke atas pelajar dan staf?**

Semua kos ujian saringan COVID-19 ke atas pelajar dan staf ditanggung oleh pelajar dan staf sendiri.

PUSAT PENGASINGAN DAN KUARANTIN

11. **Adakah IPT perlu mendapatkan kelulusan KKM ataupun Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mewujudkan zon Pusat Pengasingan di dalam IPT?**

TIDAK PERLU. Pusat Pengasingan adalah bukan seperti Pusat Kuarantin. Pusat Pengasingan merupakan fasiliti yang disediakan oleh IPT sebagai zon pengawasan bagi memantau tahap kesihatan pelajar bergejala/ positif.

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI PELAJAR

12. **Apakah aktiviti pelajar yang boleh dilaksanakan oleh IPT?**

Semua aktiviti pelajar, termasuk aktiviti sukan dan rekreasi, aktiviti kelab dan persatuan, pertandingan, persidangan, majlis dan sebagainya adalah dibenarkan dengan pematuhan SOP dan garis panduan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian berkaitan.

13. **Adakah kehadiran peserta bagi setiap aktiviti pelajar perlu direkodkan?**

Pendaftaran kehadiran melalui imbasan kod QR MySejahtera tidak wajib apabila memasuki premis atau tempat-tempat awam. Walau bagaimanapun, semua peserta perlu mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak. Individu dengan status "High Risk" dalam aplikasi MySejahtera iaitu kes positif COVID-19 dan individu yang diberi arahan HSO TIDAK DIBENARKAN menyertai aktiviti pelajar tersebut.

Pihak penganjur bertanggungjawab menyemak status risiko individu dalam aplikasi MySejahtera yang akan memasuki IPT.

(ii) **Kehadiran Pelajar**
Memastikan pelajar/ pengguna mengaktifkan fungsi MySJ Trace bagi tujuan pengesanan kontak.

(iii) **Pelitup muka**
Pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (*Indoors*) adalah **WAJIB**. Walau bagaimanapun, pengecualian pemakaian pelitup muka adalah dibenarkan dalam keadaan berikut:

- Pelajar/individu berada di tempat dan kemudahan awam yang tidak melibatkan interaksi dengan pelajar/individu lain;
- Ruang belajar/ kerja bersendirian;
- Semasa melakukan aktiviti sukan, rekreasi dan riadah tetapi ia hendaklah dipakai semula setelah selesai melakukan aktiviti tersebut;
- Sewaktu makan dan minum;
- Sewaktu sedang berucap atau aktiviti persembahan; dan
- Individu mempunyai masalah pernafasan (dengan syarat mengemukakan laporan perubahan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar).

(iv) **Kebersihan Tangan**
Menyediakan sabun dan air atau menyediakan *hand sanitizer*, jika tiada sabun dan air untuk mencuci tangan dan memastikan tangan dibersihkan dengan kerap.

(v) **Pembersihan dan Nyah Kuman**
Pembersihan dan nyah kuman dilakukan secara kerap terutamanya di kawasan yang kerap disentuh di kelas/ makmal/ bengkel.

UJIAN SARINGAN COVID-19

8. **Bilakah pelajar/individu perlu menjalankan ujian pengesanan COVID-19?**
Pelajar/ individu perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 berdasarkan situasi berikut:

- a) Pelajar/ individu yang telah lengkap divaksin/ tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan perlu menjalani ujian kendiri RTK-Ag sekiranya bergejala dan semasa kembali ke institusi (dipantau oleh IPT).*
- b) Pelajar/ individu tidak divaksin/ layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin perlu menjalani ujian kendiri RTK-Ag sekiranya bergejala. Selain itu, pelajar/individu tersebut juga perlu

LAIN-LAIN PERKARA

14. **Apakah langkah keselamatan yang harus diambil oleh pelajar yang tinggal di luar kampus/ rumah sewa?**

Pelajar luar kampus perlu mengaktifkan fungsi MySJ Trace dalam aplikasi MySejahtera dan menunjukkan status risiko semasa memasuki kampus. Selain itu, pelajar yang tinggal di luar kampus/ rumah sewa perlu mematuhi SOP dan garis panduan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian berkaitan di samping mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19.

PELAJAR ANTARABANGSA

15. **Apakah kategori pelajar antarabangsa yang dibenarkan masuk ke Malaysia?**

Semua pelajar antarabangsa (lengkap vaksinasi/ tidak lengkap vaksinasi/ belum menerima vaksinasi) bagi kategori berikut adalah dibenarkan masuk ke Malaysia:

- (i) Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu; dan
- (ii) Pelajar program Mobiliti dan Edutourism.

Bagi pelajar antarabangsa sedia ada yang telah tamat tempoh sah Visa dan Pas Pelajar dan pelajar baharu perlu mengemukakan permohonan kebenaran masuk ke Malaysia untuk kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia melalui Education Malaysia Global Services (EMGS).

16. **Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar antarabangsa telah tamat tempoh sah Visa dan Pas Pelajar dan pelajar baharu sebelum pergerakan kembali ke Malaysia?**

- (i) Kemukakan permohonan kebenaran kemasukan melalui *Student Application and Registration System (STARS)* di pautan: www.educationmalaysia.gov.my;
- (ii) Terima kelulusan kemasukan yang telah diluluskan (sekitarnya dituluskan kemasukan) oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- (iii) Pelajar antarabangsa yang telah lengkap vaksinasi/ mempunyai sejarah jangkitan COVID-19 dalam tempoh 6 (enam) ke 60 (enam puluh) hari dari tarikh sampel positif diambil adalah TIDAK perlu membuat ujian pengesanan COVID-19 sebelum berlepas ke Malaysia;
- (iv) Pelajar antarabangsa yang tidak lengkap vaksinasi/ tidak menerima vaksinasi/ dikehendaki membuat ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia dengan

keputusan negatif dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) semasa ketibaan.

(v) Memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera di telefon pintar sebelum berlepas serta melengkapkan Borang Pra-pelepasan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum berlepas ke Malaysia, termasuk maklumat vaksinasi serta memuat naik siji vaksinasi (jika ada) di aplikasi tersebut melalui ikon 'Pengembara'. Bagi pelajar antarabangsa yang tidak lengkap vaksinasi/ tidak menerima vaksinasi pula, adalah dikehendaki memuat naik keputusan ujian pengesanan RT-PCR COVID-19;

(vi) Melakukan verifikasi siji digital vaksinasi COVID-19 melalui portal mysafetravel.gov.my, bagi siji digital vaksinasi COVID-19 yang dikeluarkan di luar negara sebelum berlepas; dan

(vii) Membawa dan mengemukakan perkhata-perkhata berikut semasa ketibaan di Malaysia:

- (a) maklumat-maklumat yang diperlukan sebagai bukti atau memuat naik dalam MySejahtera untuk semakan; dan
- (b) Mengemukakan *Travellers Card* yang dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di PMA.

17. **Adakah pelajar antarabangsa yang telah tamat tempoh sah Visa dan Pas Pelajar dan pelajar baharu dibenarkan membuat permohonan kemasukan ke Malaysia terus kepada JIM?**

TIDAK. Semua permohonan kemasukan ke Malaysia bagi pelajar antarabangsa yang telah tamat tempoh sah Visa dan Pas pelajar dan pelajar baharu perlu mendapat pengesahan KPT melalui EMGS, manakala pelajar antarabangsa di IPT Negeri Sabah dan Sarawak adalah perlu merujuk pihak IPT masing-masing untuk prosedur terkini yang telah diwartakan oleh kerajaan Negeri dan JIM Negeri.

18. **Adakah pelajar antarabangsa perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di negara asal sebelum kemasukan ke Malaysia?**

Hanya pelajar antarabangsa dengan status vaksinasi tidak lengkap/ belum menerima vaksinasi dikehendaki membuat ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia dengan keputusan negatif dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di PMA semasa ketibaan.

25. Adakah kos kuarantin ditanggung oleh kerajaan?
TIDAK. Semua kos kuarantin ditanggung oleh pelajar antarabangsa.
26. Adakah pelajar antarabangsa yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), adakah dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain di Malaysia?
Pelajar yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di KLIA dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain di Malaysia kecuali jika bergejala atau dikesan positif COVID-19. Bagi kemasukan ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, sila rujuk prosedur terkini oleh pihak kerajaan Negeri berkenaan.

Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:
(i) Pegawai Penyelaras di IPT masing-masing; atau
(ii) Bilik Gerakan KPT di talian 03-8870 6777 / 6949 / 6623 / 6628.

Dokumen ini akan dikemaskini berdasarkan arahan semasa pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

Kemaskini 12 Mei 2022

19. Adakah keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tempoh 2 hari sebelum tarikh berlepas diterima di PMA?
Keputusan ujian saringan COVID-19 yang melebihi 2 hari sebelum tarikh berlepas adalah tidak sah.

20. Adakah pelajar yang kembali dari luar negara perlu menjalani kuarantin wajib sebelum kembali ke kampus?
Hanya pelajar antarabangsa yang tiada vaksinasi lengkap/ tidak menerima vaksinasi dikehendaki menjalani kuarantin wajib (Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di bawah Akta 342) di rumah/ hotel/ tempat penginapan selama lima (5) hari.

21. Bila Ujian Saringan COVID-19 akan dilaksanakan selepas ketibaan?
Bagi pelajar antarabangsa yang berstatus vaksinasi tidak lengkap/ belum menerima vaksinasi adalah perlu menjalani pengujian selepas ketibaan iaitu ujian RTK-Ag profesional di fasiliti kesihatan swasta atau jalani ujian RTK-Ag dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta boleh dijalankan secara maya dalam tempoh dua puluh empat jam (24) jam selepas waktu ketibaan.

22. Adakah kos Ujian Saringan COVID-19 ditanggung oleh Kerajaan?
TIDAK. Semua kos Ujian Saringan COVID-19 semasa urusan kemasukan ke Malaysia dan sehingga tamat tempoh kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar.

23. Adakah tanggungjawab pelajar antarabangsa yang dikehendaki menjalani kuarantin wajib?
(i) Pelajar antarabangsa yang menjalani tempoh kuarantin selama 5 hari perlu mengambil ujian saringan RT-PCR COVID-19 pada hari keempat atau RTK-Ag profesional/ ujian RTK-Ag sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta (boleh dijalankan secara maya) pada hari kelima, dan
(ii) Pelajar antarabangsa perlu membuat penilaian sendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* dalam aplikasi MySejahtera selama tempoh kuarantin.

24. Adakah tanggungjawab IPT semasa pelajar antarabangsa menjalani tempoh kuarantin?
IPT perlu memastikan perkara berikut:
(i) IPT perlu mengenal pasti lokasi kuarantin bagi pelajar antarabangsa masing-masing; dan
(ii) IPT perlu membuat perancangan yang teliti bagi memastikan urusan pengambilan pelajar antarabangsa dari lokasi kuarantin ke IPT masing-masing berjalan dengan lancar dan teratur.

This cleaning page has been set up to run automatically.

It helps maintain the excellent print quality of your HP LaserJet printer.

The frequency of printing this page can be adjusted in the control panel. Please see your user's guide or printer administrator for further information.

